

## KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **PKK** yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :


Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	<b>UTeM016 / PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN PADANG / 2015</b>	<b>SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN MENUKAR PAGAR PENGHADANG PADANG BOLA SEPAK, PADANG HOKI, GELANGGANG TENIS DAN GELANGGANG FUTSAL DI KOMPLEKS SUKAN , UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA</b>	Berdaftar dengan CIDB dan PKK  Memegang Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah  Kod Bidang :  Gred : 1 Kategori CE, Pengkhususan: CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	Tarikh & Masa : <b>07 Julai 2015 ( 10.00 pagi )</b>  Tempat : <b>Lobi Utama Pejabat Pembangunan Kampus Induk UTeM</b>  (Kedatangan dan Lawatan Tapak adalah <b>DIWAJIBKAN</b> )	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggul Melaka  <b>07 Julai 2015 hingga 15 Julai 2015</b>	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggul Melaka  <b>16Julai 2015 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)</b>

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **1 Julai 2015** hingga **16 Julai 2015** semasa waktu pejabat seperti berikut:

Hari	Waktu	Tempat
<b>Isnin hingga Khamis</b>	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka
<b>Jumaat</b>	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggul Melaka.

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan **01 Julai 2015** dan dijual **07 Julai 2015** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **16 Julai 2015** dengan bayaran **RM15.00** senaskah secara **Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.

4. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang mana namanya tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB sahaja. Wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB dan salinan**. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB asal, hendaklah membawa bersama **Surat Asal Perwakilan Kuasa** yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan **Pegawai Eksekutif Syarikat**.
5. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utm.edu.my/smpportal/clmin/defROC.htm> . Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **16 Julai 2015** . Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
7. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utm.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.



(Peg. Unit Perolehan)

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM**  
Penolong Bendahari  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
TEL : 06 – 331 6091 / 6093 / 6322 / 6095  
FAKS : 06 – 331 6296**